

KAJIAN KES BEHAVIOURAL INSIGHTS 2021

**MENINGKATKAN KESEDARAN DI KALANGAN
PENGUSAHA MAKANAN DAN MINUMAN MUSLIM
TERHADAP KEPERLUAN PENSIJILAN HALAL**

DR. INTAN MAIZURA ABDUL RASHID
Universiti Terknologi Mara (UiTM) , Melaka



PERNYATAAN MASALAH

Pasaran Halal dunia ketika ini dianggarkan bernilai RM12 trilion, bersamaan AS\$3 trilion, di mana Malaysia telah mencatatkan nilai eksport produk Halal tempatan berjumlah RM40.2 bilion pada tahun 2019. Angka ini dijangka akan mencapai nilai sebanyak RM417 bilion, bersamaan AS\$100 bilion menjelang 2030. Populasi masyarakat Muslim dunia yang meningkat tahun demi tahun seiring dengan perbelanjaan pengguna Islam di peringkat global terutamanya dalam sektor makanan dan minuman dan gaya hidup.

Walau bagaimanapun, faktor kesedaran terhadap konsep Halal di kalangan pengusaha Muslim terutamanya dalam sektor makanan dan minuman adalah tidak seimbang dengan pertumbuhan yang tidak memberangsangkan dari aspek jumlah pengeluaran produk Halal jika dibandingkan dengan permintaan produk Halal dalam pasaran Halal dunia. Oleh itu, kesedaran dan usaha daripada pengusaha Muslim dalam menghasilkan produk Halal perlu dipergiatkan agar lebih ramai pengusaha Muslim terutamanya dalam sektor makanan dan minuman memanfaatkan pensijilan Halal Malaysia yang diiktiraf di seluruh dunia.

PERNYATAAN MASALAH

- Negara ini amat menitikberatkan peraturan-peraturan berkaitan halal dan kebersihan makanan dan minuman yang dijual tetapi masih terdapat pelbagai isu yang berkaitan ketidakpatuhan aspek halal dan kebersihan dalam kalangan usahawan industri makanan dan minuman.
- Menurut Rajamanickam et al. (2012) isu-isu keselamatan makanan seperti virus dalam bahan mentah dan cara pemprosesan yang tidak menepati undang-undang menjadi isu global yang sering diperkatakan dalam industri makanan. Bahkan media bercetak dan elektronik di negara ini sering memaparkan isu-isu keselamatan dan kebersihan premis makanan seperti perkakasan dapur dibasuh di lopak air, bahan mentah dibiarkan di lantai, keadaan dapur yang kotor, pengusaha tidak menekankan pengendalian makanan yang betul kepada pekerja, isu pekerja asing, dan pekerja tidak mendapat suntikan (Shah,2018).
- Lebih malang lagi berlakunya kes-kes keracunan makanan selepas makan juadah yang disediakan oleh pihak katering sehingga terpaksa mendapatkan rawatan di hospital (Alias,2019). Dapatan ini adalah selari dengan data yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah pada 24 April 2020 yang berkaitan isu kebersihan dalam sidang media Covid 19 yang mana pada tahun 2019 sahaja terdapat 516 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 16,583 kes berpunca daripada pengendalian makanan yang tidak bersih dan selamat. Daripada jumlah itu, 34 kejadian keracunan makanan telah berlaku pada bulan Ramadhan 2019 yang melibatkan 132 kes.

JURANG PERILAKU

The Theory of Planned Behaviour & Diffusion of Innovation Theory

BEHAVIOUR – ENGAGE

Tiada pemantauan dari pihak kerajaan. Bebas Berniaga.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, adalah bersifat sukarela dan bukan suatu kewajipan berpandukan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) dan (Takrif Halal) 2011.

BEHAVIOUR – EXEMPLIFY

Kurang Ikon muslim. Tiada mentor.

Menurut JAKIM (2020), lebih dari 70% usahawan dan peniaga dikalangan Muslim tidak memiliki sijil Halal JAKIM. Manakala, 70% dari kalangan peniaga yang memiliki sijil Halal JAKIM adalah dikalangan bukan Muslim. Ini menunjukkan, tiada penggerak bagi usahawan atau peniaga Muslim untuk memilik sijil Halal JAKIM.

BEHAVIOUR – ENCOURAGE

Kurang galakkan dan geran dari badan kerajaan. Banyak geran tertumpu pada keusahawanan. Insentif pengurangan cukai.

Pelan Belanjawan 2021, lebih menumpukan kepada inisiatif keusahawanan tetapi mengabaikan konsep Halal JAKIM. Lambakkan peniaga dan usahawan pada tahun 2020 dan 2021 berikutan pandemik Covid 19 mengakibatkan ramai yang kehilangan pekerjaan. Peningkatan ini adalah sangat kritikal bagi JAKIM untuk memastikan semua perniagaan baru perlu memilik sijil Halal JAKIM kerana galakkan kerajaan hanya tertumpu pada keusahawanan dan memulakan perniagaan tetapi tidak pada pemilikan sijil Halal JAKIM.


BEHAVIOUR – ENABLE

Ilmu Pengetahuan


Menurut Ismail et al. (2016) walaupun pengendali makanan mungkin menyedari keperluan untuk kebersihan diri, tetapi mereka tidak memahami aspek kritikal kebersihan diri juga meliputi kebersihan tempat pembuatan makanan dan pengawalan suhu makanan semasa memasak. Sedangkan menurut Zulkifli & Sahid (2018) makanan yang dimakan mestilah selamat dan tidak mendatangkan mudarat kepada kesihatan diri.



• The Theory of Planned Behaviour



• Diffusion of Innovation Theory



BEHAVIOURAL GAP

Behaviour – Engage
Tiada pemantauan dari pihak kerajaan. Bebas Berniaga.


Behaviour – Exemplify
Kurang contoh ikon muslim yang diketengahkan. Tiada mentor.

Behaviour – Encourage
Kurang geran dari badan kerajaan. Banyak geran tertumpu pada keusahawanan. Tiada pengurangan cukai.


Behaviour – Enable
Kurang Pengetahuan.

TEORI

- The Theory of Planned Behaviour



- Diffusion of Innovation Theory



SKOP PROJEK


- **Objektif :**

1. Mengenalpasti jurang, isu dan permasalahan utama kajian;
2. Menganalisa keadaan semasa permasalahan secara terperinci;
3. Membangunkan instrumen yang paling berkesan dalam pengumpulan data;
4. Mengesyorkan pelan tindakan dan cadangan penambahbaikan kepada permasalahan pensijilan Halal di kalangan pengusaha makanan dan minuman Muslim.

Pemegang taruh Projek (stakeholders)

- i. Penyelidik
- ii. JAKIM
- iii. SSM
- iv. 20 orang peniaga/bakal peniaga di Lembah Klang
- v. Majlis Perbandaran


METODOLOGI KAJIAN MIXED METHODS IN INTERVENTION RESEARCH



Adapted from Sandelowski (Sandelowski, 1996)

Kajian Kuantitatif (Kaedah 1)

- The Theory of Planned Behaviour



Theory of Planned Behaviour (Ajzen, 1991).


Intervensi – (Kaedah 2)

The “ABCD” of behavioural drivers


MASALAH	KAEDAH MODEL ABCD	INTERVENSI	PLATFORM	TINDAKAN
Tiada keperluan untuk memiliki sijil Halal Jakim bagi peniaga Muslim dan tiada masalah untuk mendaftarkan perniagaan di SSM jika tiada logo Halal Jakim. Peniaga juga tidak mempunyai ilmu pengetahuan untuk memiliki sijil Halal Jakim.	ATTENTION Perhatian: Ramai orang mempunyai Perhatian yang terhad dan ingat, tetapi cenderung untuk bertindak balas kepada petunjuk persekitaran.	Penambahbaikan pada borang Pendaftaran perniagaan dengan menambah Senarai Semak Halal Jakim. Senarai Semak mengandungi proses kaji selidik yang boleh direkodkan. Kaedah ini menarik perhatian peniaga untuk senarai keperluan jika ingin memiliki sijil halal Jakim.	Borang Pendaftaran Perniagaan SSM secara online	Proses Pendaftaran Perniagaan Baru melalui SSM
Peniaga mempunyai stigma pemilikan sijil Halal Jakim susah untuk dimiliki.	BELIEF FORMATION: Tahap Kepercayaan :Orang terlalu yakin semasa membuat sesuatu perkara tanpa mengendahkan perkara lain kerana kepercayaan dalam diri	Senarai Semak Halal Jakim akan menakutkan peniaga bahawa kriteria untuk memiliki sijil Halal Jakim adalah mudah. Peniaga akan mula percaya bahawa proses untuk mendapatkan sijil Halal Jakim adalah mudah.	Borang Pendaftaran Perniagaan SSM secara online	Proses Pendaftaran Perniagaan Baru melalui SSM
Ramai dikalangan peniaga Muslim tidak memiliki sijil halal bukan kerana status halal makanan tetapi tahap kebersihan yang tidak memuaskan.	CHOICE: Pilihan: Orang cenderung bertindak sejajar dengan tingkah laku orang lain dan apa yang orang lain fikir sesuai.	“Kempen Halal First dan Halal Means Clean” Memberi pengiktirafan khas kepada peniaga yang patuh syariah setia tahun.	Media sosial.	JAKIM mempromosikan Kempen kesedaran dan pengetahuan
Ramai peniaga yang telah lama berniaga sudah selesai dan tiada keperluan untuk meliki sijil Halal kerana pelanggan/pengguna tetap ramai.	DETERMINATION: Penentuan: Orang menghadapi kesukaran untuk kekal bermotivasi untuk jangka masa panjang jika tanpa arah tujuan, sebarang rancangan dan maklum balas.	Pemantauan berkala oleh Majlis perbandaran merekod dalam sistem info kebersihan kedai dan di link kan kepada JAKIM. Premis kedai yang memiliki Gred A dan B layak untuk memohon sijil halal Jakim. Galakkan memiliki sijil halal jakim secepat 3 hari.	Majlis perbandaran memberi rekod kepada JAKIM. Borang Pendaftaran Perniagaan SSM secara online.	Pemantauan berkala oleh Majlis perbandaraan. Proses Pendaftaran Perniagaan Baru melalui SSM

Cadangan Proses Pendaftaran Perniagaan Baru melalui SSM

Intervensi DETERMINATION:
Peniaga tahu bahawa
cepat untuk memiliki
Sijil Halal JAKIM



Kajian Kualitatif (Kajian 2) – The Theory of Planned Behaviour



JANGKA MASA PROJEK

Aktiviti	B1				B2				B3			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
<u>Peringkat 1: Laporan Awal</u>												
1. Mengenalpasti jurang, isu dan permasalahan utama kajian												
2. Menganalisa keadaan semasa permasalahan secara terperinci												
<u>Peringkat 2: Laporan Interim</u>												
1. Membangunkan instrumen												
2. Pengumpulan data												
<u>Peringkat 3: Laporan Akhir</u>												
1. Mengesyorkan pelan tindakan												
2. Cadangan penambahbaikan kepada permasalahan pensijilan Halal												